S/K.KEW/PK/KK/9999/170104/57/195 JLD.6 SJ.9

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 12 TAHUN 2000 (TAMBAHAN KELIMA)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Agensi Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

BEKALAN DAN PENGIRIMAN ALAT GANTI *'PROPRIETARY'* KENDERAAN KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. **PERIHAL**

1.1 Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah melanjutkan Kontrak Pusat bagi Bekalan dan Pengiriman Alat Ganti *'Proprietary'* Kenderaan kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Badan Berkanun di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tempoh enam (6) bulan mulai **01 April 2009 hingga 30 September 2009**.

1.2 Sepanjang tempoh pelanjutan ini, semua agensi Kerajaan dan Kontraktor adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

a. Kontrak Pusat ini hanya untuk pembekalan **Alat Ganti *'Proprietary'* Kenderaan Darat**. Mana-mana alat ganti dalam Buku Senarai Alat Ganti yang bukan alat ganti *'Proprietary'* Kenderaan Darat yang terdapat di dalam Kontrak Pusat ini tidak boleh dibekalkan oleh Kontraktor; dan

b. Agensi Kerajaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan sekiranya ingin membeli alat ganti yang bukan alat ganti *'Proprietary'* Kenderaan Darat melalui Kontrak Pusat ini.

2. NOMBOR KONTRAK DAN BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

2.1 Butir-butir lengkap Kontraktor dan perkara-perkara kontrak adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. HAL-HAL LAIN

3.1 Perkara berkaitan harga, syarat, spesifikasi dan hal-hal lain yang berkenaan alat ganti *'Proprietary'* Kenderaan Darat adalah sama seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2000 bertarikh 16 Februari 2001 dan Pindaan Kedua kepada Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2000 bertarikh 16 November 2006.

3.2 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Kontrak Perbendaharaan ini, Tambahan Keempat kepada Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2000 bertarikh 13 Mei 2008 terbatal.

3.3 Jika ada sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, agensi Kerajaan adalah dinasihatkan menghubungi mana-mana pegawai di talian 03-88823201/3295.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHAMED BIN STAPA)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia.

Bertarikh: 15 **April 2009**

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN 1

Bil.	NO. KONTRAK / NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR	NO. TELEFON / NO. FAX	NAMA DAN ALAMAT BANK / NO. AKAUN
1.	**PERB/PK/101/2000** **GENERAL DIESEL SDN. BHD.** 11, Jalan Pengacara U1/48 Temasya Industrial Park Glenmarie 40150 Shah Alam Selangor	Tel. 03-55693599 Fax: 03-55693693	MALAYAN BANKING BERHAD Wisma PKNS, Jalan Raja Laut Tambahan 50350 Kuala Lumpur A/C: 014150-206004
2.	**PERB/PK/102/2000** **MIXXON SELATAN SDN. BHD.** No. 4A, 1st. Floor, Jalan PJS 7/18 Bandar Sunway 46150 Petaling Jaya Selangor	Tel. 03-56366241 Fax: 03-56321099	CIMB BANK BHD Jalan Hang Tuah 75300 Melaka A/C: 0403-0009231-05-01
3.	**PERB/PK/104/2000** **MAHMOOD AMBAK & SONS SDN. BHD.** No. 20, Jalan Ara SD 7/3B Bandar Sri Damansara 52200 Kuala Lumpur	Tel. 03-62772206 03-62772207 Fax: 03-62775729	AFFIN BANK (M) BERHAD No. 20 & 22, Jalan 21/12 Sea Park 46730 Petaling Jaya Selangor A/C: 100060009006
4.	**PERB/PK/105/2000** **PELASARI SDN. BHD.** No. 9 & 11 Block C1, Jalan PJU 1/41 Dataran Prima 47301 Petaling Jaya Selangor	Tel. 03-78042188 03-78041822 Fax: 03-78809439 03-78062514	MALAYAN BANKING BERHAD No. 52 & 52, Jalan Sultan 46200 Petaling Jaya Selangor A/C: 014169-409-50-9